

30/03/2001

Amanat: Pak Lah mahu jabatan agama bertindak

Fazli Abdullah

KAJANG, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Jabatan Agama Islam mengambil tindakan segera dan memantau mereka yang melanggar fatwa pihak berkuasa berhubung Amanat Hadi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bukan Umno saja yang perlu memandang berat mengenai berlakunya penyelewengan atau berlakunya tindakan yang bertentangan dengan fatwa yang dikeluarkan itu tetapi Jabatan Agama juga perlu memandang berat perkara itu.

Katanya, jabatan itu harus memastikan sama ada apa yang dikatakan itu bertentangan dengan fatwa dan mengambil tindakan sewajarnya.

"Mereka kena ambil tindakan, takkanlah nak tunggu jadi isu besar baru nak buat," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat Jabatan Penjara di sini hari ini.

Mengenai kemungkinan Amanat Hadi akan dibincangkan dalam pertemuan perpaduan Melayu yang sedang diatur kedua-dua pihak, Timbalan Presiden Umno berkata, ia akan diputuskan oleh pucuk pimpinan kedua-dua parti.

"Apa yang akan berlaku nanti apabila pemimpin bertemu ...terpulang kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Datuk Fadzil Noor (Presiden Pas)," katanya.

Mengenai kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, yang mahu Umno menggunakan pendekatan ilmiah untuk menghapuskan Amanat Hadi jika ia menyalahi ajaran Islam, Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Nak debat apa...kita dah baca semuanya dan kita tahu apa yang Hadi sebut dalam dokumen yang mengandungi amanatnya. Itu dokumen mereka, bukan rencana yang ditulis oleh Umno,".

Mengenai kenyataan Nik Aziz bahawa Pas tidak perlu wujud jika Umno menerima pakai sistem berlandaskan Islam sebagai dasar perjuangan Umno, Abdullah berkata, Umno sudah lama menggunakan pendekatan Islam.

"Itulah pendekatan yang kita ambil selama ini. Kita tidak mungkin wujudkan Bank Islam jika tidak ada anak muda yang tahu perbankan (Islam)," katanya.

Menurutnya, Umno sebenarnya mengambil pendekatan yang amat penting berkaitan Islam untuk memajukan umat Islam di negara ini.

Katanya, Umno tidak seperti Pas yang suka memutar-belitkan hal-hal berkaitan dengan agama kerana Umno mengambil pendekatan untuk memajukan bangsa dan agama.

"Agama Islam itu sempurna, ajarannya sudah sempurna...masalahnya manusia yang tidak sempurna...orang Islam yang tak sempurna...yang masih pincang dan kekurangan," katanya.

Abdullah juga menjelaskan orang Islam pada masa dulu maju dalam semua segi, malah mereka adalah golongan yang handal menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang.

"Kalau kita nak (pencapaian) ini, kita perlu memberi pelajaran yang sebaik-baiknya kepada anak-anak kita dan inilah yang kita lakukan," katanya.

(END)